

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]**

**TARIKH : 20 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Anyi Ngau [ Baram ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan pihak Kementerian menaik taraf Hospital Marudi daripada segi kemudahan-kemudahan perubatan terkini dan keadaan fizikal bangunan Hospital Marudi.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Hospital Marudi merupakan sebuah hospital tanpa pakar dengan kapasiti 54 buah katil yang telah siap dibina pada tahun **1995** (Bed occupancy rate 2015: 37.45%). Buat masa ini, keperluan perkhidmatan kesihatan dan perubatan penduduk setempat (seramai **65,400** orang) masih dapat ditampung oleh kemudahan hospital sedia ada. Walau bagaimanapun KKM akan memantau perkhidmatan yang sedang disediakan di hospital ini dan akan menaiktaraf hospital sedia ada sekiranya ada keperluan dalam

Rancangan Malaysia (RMK) akan datang. Bagi kes-kes yang memerlukan rujukan akan dihantar ke Hospital Miri dengan jarak perjalanan selama dua (2) jam menggunakan jalan darat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Hospital Marudi mempunyai cadangan bagi menaiktaraf Unit Kecemasan & Trauma dan menaiktaraf jalan di sekitar kawasan hospital dengan anggaran kos masing-masing adalah RM 207,270 dan RM 143,000. Peruntukan ini akan dipertimbangkan oleh Kementerian menggunakan peruntukan 2017. Cadangan perlaksanaan naiktaraf fizikal yang lain akan bergantung kepada keperluan dan kemampuan Kementerian untuk menyediakan tenaga manusia yang mencukupi di masa hadapan.